

31/05/2005

RAFIDAH-AP

RAFIDAH: MITI TIDAK AKAN JADIKAN NAMA PENERIMA AP MAKLUMAT AWAM

SHAH ALAM, 31 Mei (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) tidak berhasrat untuk mengumumkan nama kesemua pemegang permit kelulusan (AP) dan menjadikannya sebagai maklumat awam.

Menterinya, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata pihaknya sangat telus dalam perkara ini dan telah banyak kali mengumumkan di Parlimen mengenai pengeluaran AP, tetapi adalah tidak wajar sekiranya ia dijadikan maklumat awam.

AP dikeluarkan oleh kementerian itu bagi membolehkan pengimportan kereta ke negara ini.

"Itu bukan dasar kita untuk mendedahkan (nama) sesiapa yang menerima. Kita tak pernah buatpun sebelum ini, malah sebelum saya jadi menteri," katanya selepas merasmikan pusat perkhidmatan Kanzen Stainless Processors di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kenyataan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang mengusulkan kesemua nama penerima AP diumumkan.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sepatutnya mendedahkan nama-nama mereka yang telah diberi AP untuk mengimport kereta sebagai satu cara menghapuskan sebarang syak wasangka atau tuduhan terhadap perbuatan yang tidak adil.

Beliau mengulas mengenai laporan bahawa kerajaan terus mengeluarkan AP dalam jumlah yang besar bagi membolehkan pengimportan kereta-kereta unit-unit siap terpasang (CBU).

Industri automobil tempatan akan menghadapi kesukaran jika kemasukan kereta asing tidak dikawal, kata Dr Mahathir yang juga penasihat kereta nasional Proton.

Sesetengah laporan berita tahun lepas mendakwa bahawa pengeluaran AP tertumpu pada beberapa individu tertentu.

-- BERNAMA

SOR WNZ/MR SHY AHM